

29 SEP 2000

Mahathir-Keupayaan/I

UMAT ISLAM MESTI TINGKATKAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Umat Islam terutama golongan belia, mesti menguasai pelbagai pengetahuan bagi meningkatkan keupayaan teknologi untuk membantu saudara seagama mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Belia mesti memahami cabaran masa depan lebih besar terhadap Islam daripada apa yang kita alami setakat ini," kata Perdana Menteri.

Umat Islam tidak harus berpegang kepada latar belakang kegemilangan lepas dan berpandangan berat sebelah terhadap agama tanpa menggunakan keupayaan untuk berfikir dan memperbaiki pengetahuan, katanya semasa melancarkan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dekat sini.

Dr Mahathir berkata: "Sebahagian daripada kita mesti belajar mengenai agama kita sepenuhnya dan mampu untuk menterjemah dan menjadikannya panduan. Tetapi kebanyakan kita perlu memperolehi pengetahuan lain yang sama pentingnya bagi masa depan kita."

Bercakap kepada lebih 3,000 pelajar dan tenaga akademik di auditorium yang padat itu, beliau berkata bahawa mereka patut melengkapkan diri mereka bagi memperbaiki kedudukan ummah yang jauh ketinggalan.

Persediaan ini, katanya, termasuk menjadi ummah yang sentiasa berfikir untuk memperbaiki kedudukan ekonomi diri sendiri dan memantapkan pengetahuan seperti di bidang teknologi maklumat.

"Kita perlu melindungi umat Islam dan kita perlu mempunyai keupayaan untuk menakutkan musuh kita," kata Dr Mahathir.

Katanya negara-negara Islam patut memperolehi ilmu dalam bidang aeroangkasa dan bidang teknologi tinggi lain supaya mereka tidak mudah ditekan oleh penjajah yang berkuasa dalam dunia moden.

Katanya Malaysia bukannya sebuah kuasa besar tetapi secara umumnya ia mahu mengukuhkan keupayaan teknologi dan ekonominya untuk mempertahankan dirinya dalam menghadapi cabaran dan serangan dalam pelbagai bentuk.

"Bagi membolehkan kita mempertahankan diri kita perlu menguasai ilmu," kata Dr Mahathir sambil menegaskan umat Islam harus berhenti daripada bercakaran sesama sendiri.

Beliau berkata umat Islam akan gagal dan berdosa jika mereka tidak menguasai pelbagai ilmu bagi memperbaiki diri dan berkeupayaan untuk membantu masyarakat Islam antarabangsa.

"Agama bukan semata-mata satu amalan jika dilihat dari sudut yang sempit kerana ia memerlukan lebih daripada itu untuk memperolehi ganjaran bagi bekalan ke syurga," kata Perdana Menteri yang kemudian menunaikan solat Jumaat di masjid universiti itu.

Wacana itu dianjurkan bersama oleh penuntut-penuntut sains politik dan Jabatan Sains Politik UIAM serta Kementerian Belia dan Sukan.

-- BERNAMA

GM GM LAT MAI